

10/12/2000

Amaran bahaya sudah tiba untuk Umno

SELEPAS tiga hari menyatakan keberatan untuk ditemu bual, akhirnya tokoh kontroversi Umno, Datuk Shahrir Abdul Samad bersetuju. Di pejabatnya, Shahrir-Umno.com di Desa Sri Hartamas, Kuala Lumpur, petang Khamis lalu, beliau meluahkan isi hati dan pandangan secara terbuka mengenai Umno.

Ahli Majlis Tertinggi Umno itu menjelaskan mengapa beliau mengkritik Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ekoran kekalahan calon Barisan Nasional (BN), pada pilihan raya kecil Lunas, di Kedah, minggu lalu. Mengapa beliau mengambil tindakan demikian sedangkan beliau mempunyai saluran MT? Wartawan Berita Minggu, Zainudin Isa dan Halmi Samad berbicara dengannya mengenai pelbagai isu parti dan perjuangan orang Melayu.

KALAU Datuk dalam kerajaan adakah Datuk selantang sekarang?

SAYA macam sayalah. Tak ada bezanya, di dalam atau di luar, saya akan kritik sebab saya lihat Umno. Melalui pengalaman saya di Johor Bahru, orang kata Johor Bahru berlainan dan oleh itu ia tidak boleh ikut sangat. Mereka tidak bertanya bagaimana saya membuatnya berlainan. Saya buat Johor Bahru berlainan kerana saya main passed (gilir-gilir) jawatan.

Pada saya pertandingan itu satu yang patut ada dan memang ada setiap kalinya ada pertandingan di Johor Bahru. Dan, kami tidak melihatnya sebagai satu masalah. Jadi, orang lihat Johor Bahru berlainan. Patutnya, mereka tanya pada saya, Rir (Shahrir), macam mana you buatkan Umno di Johor. Pada saya senang saja. Semuanya yang saya cakapkan selama ini adalah 'antithesis' kepada apa yang Dr Mahathir buat.

Dia kata kalau ada pertandingan menjadi susah dan menimbulkan perpecahan, bukan dendam orang kalah, tetapi dendam orang menang. Yang kalah ini, biasalah berdendam. Tapi yang menang, apabila sudah dendamnya menang, dia ada kuasa, dia dendam pula pada orang yang kalah, itulah yang menyebabkan pecahnya parti. Kalau kita lihat kepada sejarah Umno setiap kali ada pertandingan dan setiap kali ada perpecahan. Ia hanya berlaku apabila yang menang mendendam kepada yang kalah. Lambat laun yang menang dendam, mereka menekan orang yang kalah. Makin lama pecah dan makin lama menjadi budaya.

Sebab itu, paling utama di Johor Bahru, walaupun saya ditentang oleh sesiapa pun, saya tidak pernah ambil tindakan untuk memisahkannya daripada saya dan orang Umno. Bukankah Umno ini untuk semua orang Melayu. Jadi, kalau orang Melayu sama Melayu bertanding dalam Umno, takkanlah saya nak memisah dan keluarkannya kerana saya menang. Kita kena mula daripada proses andaian kita. Andaian kita Umno ialah hak Melayu. Semua orang Melayu berhak jadi ahli Umno.

Datuk secara terbuka mengkritik Presiden. Cara Datuk ini mungkin menentang arus?

Pokoknya, saya rasa semua setuju ada masalah dalam Umno hari ini. Masalah ini diakui selepas pilihan raya umum lalu. Walaupun selepas pilihan raya itu dikatakan ini satu 'wake-up call' kepada Umno, bahawa mesti ada perubahan, mesti ada 're-engineering', mesti ada proses peremajaan, macam-macam istilah termasuk reformasi dalaman. Sampai ada yang tidak nak guna perkataan reformasi takut nanti dimarahi oleh Dr Mahathir. Dr Mahathir sendiri pun nampak perubahan yang ada dalam Umno. Malah, ketika perhimpunan Umno, ucapan Dr Mahathir pada pembukaan dan penutupnya berbeza.

Apabila dia bercakap pasal (Datuk Seri) Anwar Ibrahim, orang sudah tak

setuju. Dan, satu lagi, dari segi pemilihan MT. Saya pun boleh menang. Saya ini siapa. Saya tidak menjadi menteri. Pasal ketika itu ada tendency (kecenderungan) orang yang jadi menteri akan menang. Dari 1988 sampai 1999, saya dikatakan menentang arus. Tapi, apa yang saya cakapkan hari ini ialah apa yang saya katakan 10 tahun dulu. Saya berlawanan dengan Anwar Ibrahimlah, saya sokong (Tun) Ghafar Baba, macam-macam.

Jadi pada saya, ini tanda-tanda masalah dalam Umno sudah jelas pada pilihan raya umum. Sekarang, sekali lagi selepas setahun berlalu, ada lagi masalah terbuka di depan mata kita. Apa kita nak buat. Adakah kita nak berkata bahawa kita kena ikut cara itu dan ini, ataupun kita nak memperbetulkan masalah-masalah itu. Betul-betullah berfikir, menilai, menganalisis dan mengambil tindakan yang sebaik-baiknya.

Tapi, kritikan itu agak keras?

Ya keras, saya akui. Tak apalah keras. Mungkin ia menggambarkan pada ketika itu keras, iaitu kemarahan saya. Saya tidak berkempen di Lunas, tapi saya anggap kalau nak menang satu-satu pilihan raya kecil, yang nak memenangkannya ialah pemimpin tempatan. Saya lihat, selepas pilihan raya umum, pilihan raya kecil pertama ialah di Sanggang, Pahang.

Saya nampak Sanggang menang kerana pemimpin tempatan di Sanggang dan pemimpin di Pahang, betul-betul bersemangat, bersungguh-sungguh dan bermati-matian untuk menang. Di Sanggang, pemimpin Selangor tidak boleh tolong sangat, pemimpin luar lain juga begitu. Yang boleh tolong betul ialah pemimpin Sanggang dan Pahang. Di Teluk Kemang (Negeri Sembilan) juga begitu. Walaupun majoriti turun, tapi BN masih menang. Di Lunas, begitu juga. Bukan saja pemimpin Lunas mesti kerja kuat, tapi pemimpin di Kedah sendiri mesti turun bermati-matian untuk menang.

Jadi, Datuk menyalahkan pemimpin, bukannya permainan isu oleh parti pembangkang?

Dari segi Lunas, Lunas di Kedah. Siapa pemimpin Umno yang tertinggi sekali di Kedah, kalau tidak Dr Mahathir, kalau tidak Tun Daim (Zainuddin). (Datuk Paduka Dr) Hamid Othman ini dia dah kalah sebagai Ahli Parlimen. Kalau setakat (Datuk Seri) Kadir Sheikh Fadzir saja, tak cukup. Dan saya fikir Perdana Menteri sebenarnya nak pergi berkempen di Lunas, tapi dia pergi ke Kubang Pasu, pasal banjir. Dan di Kubang Pasu, dia mengata Cina. Dan, saya percaya kalau dia pergi ke Lunas, boleh menang. Dia boleh ubahkan pemikiran orang Cina, dua tiga ratus senang-senang saja. Dia boleh sejukkan dan redakan isu.

Jangkaan saya, dia tidak ke Lunas kerana ada pihak yang melaporkannya Lunas akan kalah kerana kaum Cina tidak beri (undi). Apabila ada orang laporkan begitu dan dia pula tidak pergi, dia mula mengata, pasal dia marah dan dia terlepas cakap.

Bukan di sebaliknya, kerana `over confident`?

Tidak ada `over confident`. Sebenarnya, ada masalah di Kedah yang mana Dr Mahathir sebagai pemimpin ulung di Kedah. Dia kena fikirlah, kena jumpalah dan selesaikan.

Pada Datuk tindakan yang Datuk ambil mungkin rasional tapi tidak bagi Umno dan pemimpinnya. Jadi apa risikonya ekoran kritikan Datuk itu?

Risiko itu biasalah dalam politik. Dalam politik, apabila masuk saja arena politik, kita kena fikir satu kaki kita di dalam penjara. Macam berniaga. Kita kena ajar orang Melayu kalau nak berniaga satu kaki dalam bankrap. Bukan kalau masuk politik, kita mendapat kontrak.

Itu pemimpin Umno bercakap bahawa masuk Umno, dapat kontrak itu ini. Tapi, siapa sebenarnya yang mendapat kontrak. Orang Umnokah yang dapat. Mungkin yang dapat ialah orang-orang atau kumpulan yang rapat dengan orang Umno, bukan orang Umno. Saya ketua bahagian, tapi saya tidak dapat kontrak. Sudah lama saya ketua bahagian.

Ada yang berpendapat Datuk mudah lepas cakap sebab Datuk tiada ada

jawatan dalam kerajaan.

Memang saya mudah kritik sebab tidak ada kepentingan. Saya tidak ada nak jadi menteri dan saya tidak kisah nak jadi menteri. Dan, saya bukan bermain politik. Saya tidak ada nak menyokong mana-mana pihak. Saya tidak ada (matlamat), seperti kata orang kalau Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) naik nanti, saya jadi menteri. Saya tidak berminat, saya sudah tidak berminat (jadi menteri). Jadi orang macam saya ini boleh bercakap. Mungkin ada baik dan buruknya.

Tapi Datuk mungkin seorang saja dalam Umno seperti ini?

Tak apalah, biasalah. Dulupun dan selama-lamanya, memang saya seorang.

Patutkah ahli dan pemimpin Umno memikirkan tindakan Datuk ini serius?

Sekarang pada saya, kita sudah mula mengatakan bahawa setiap orang Melayu berhak menjadi ahli Umno. Apabila kita katakan begitu, maknanya Umno itu hak orang Melayu. Oleh itu, kita tidak boleh kata, Umno ini untuk 50 orang, 30 orang atau saya seorang atau saya dua tiga orang saja yang buat keputusan. Ia mesti secara terbuka. Tidak boleh kata ini 'close door' atau sebagainya. Atau sekumpulan kecil saja yang memikirkan (masalah Umno). Maknanya, perbincangan itu mesti meluas, termasuk dalam surat khabar, media massa dan sebagainya.

Sebab Umno sendiri yang meletakkan konsep itu dalam perlembagaannya baru-baru ini. Tak boleh hanya menjadi slogan atau cakap-cakap saja. Ia mesti telus dan dihayati sepenuhnya apa maksud dan erti kata umno itu hak orang Melayu. Apabila masalah Umno, semua orang boleh komen. Pas sendiri mengakui dan semua parti pembangkang bantai Umno pasal mereka rasa Umno itu hak dia. Kalau Umno itu tidak penting, saya ingat mereka pun tidak kisah.

Kalau Datuk berfikiran begitu, maknanya Datuk tidak percaya saluran MT?

Saluran dalam MT itu saya terimalah. Saya terima, betullah kalau hendak mengkritik, mesti ada salurannya. Saya boleh terima gesaan supaya digunakan MT sebagai forum dan saluran.

Mungkin ada yang menegur Datuk kerana bercakap masalah dalaman Umno di luar parti?

Kalau itu salah salah saya, saya boleh terima. Itu tidak jadi masalah kepada saya. Jadi kalau orang marah saya saya kata saya minta maaf. Orang banyak saya, itu mereka punya pasallah.

Atau, mungkin ada yang mengatakan Datuk berani di luar saja, tapi pengecut di dalam?

Betullah, memang semua orang anggap begitu. Apapun tuduhan kepada saya, saya terima. Mengapa saya tidak cakap dalam MT, sedangkan saya dalam MT. Tapi, pokoknya apa yang saya cakapkan di dalam (MT), tidak semestinya apa yang saya cakap di dalam dan di luar itu, 100 peratus sama. Itu saya kurang bersetuju. Tapi, bagi saya kalau yang hendak dipertikaikan soal Shahrir salah, dan bukannya soal Lunas, saya fahamlah maksudnya.

Saya salah tidak jadi masalah, tapi lebih bahaya kalau kesalahan atau kelemahan Umno yang membawa kepada kekalahan Lunas, ia tidak akan selesai. Jadi, mana-mana pihakpun yang kata kita nak 'attack' Shahrir kerana Shahrir bercakap, saya tidak kisah.

Maknanya, Datuk langsung tidak takut dengan teguran atau kesannya daripada tindakan Datuk itu?

Saya tidak kisah, orang nak 'attack' saya, nak kutuk saya, saya tidak hairan, sebab saya sudah kena macam-macam. Saya pernah dikutuk, tak boleh keluar surat khabarlah, macam-macam. Macam hari ini awak semua datang, mungkinpun tak tahulah pasal apa. Tapi akhirnya, soal Umno dan BN kalah di Lunas, selesai ataupun tidak?

Pada pandangan Datuk, apa sebenarnya masalah pokok dalam Umno?

Pada saya, saya lihat dua perkara. Pertama, saya rasa orang luar, khususnya orang Melayu sudah menganggap sudah tidak akan ada apa-apa

perubahan dalam Umno daripada pilihan raya umum lalu, sampailah sekarang.

Mereka kata memang sudah tetap Umno tidak akan berubah. Dan, ramai yang memikirkan bahawa perubahan dalam Umno sudah tidak mungkin, hanya mungkin di luar saja. Mungkin dulu mereka katakan kadarnya 50-50 tapi sekarang sudah 60-40. Jadi walau bagaimanapun, ia akan bergerak ke arah perubahan dari luar. Ini kelihatan di Lunas. Dan teori perubahan ini telahpun berlaku di negeri Kedah sebagai kubu atau negeri presiden parti.

Boleh Datuk jelaskan angin perubahan di Lunas itu?

Saya rasa, kalau orang percaya bahawa Umno itu boleh berubah, saya rasa mereka akan undi Umno. Tapi, saya tengok di Lunas bahawa Umno tidak akan berubah dan bukan Melayu akan ikut. Kalau orang Melayu sudah lari kepada pembangkang, mereka (bukan Melayu) akan ikut sama.

Yang soal isu itu, memang adalah, tapi memudahkan mereka saja. Pasal isunya apabila Umno cuba memperjuangkan hak keistimewaan orang Melayu, orang Melayu pun tidak percaya. Tidak terbangkit semangat orang masa (Datuk) David Chua dan Jawatankuasa Tuntutan Pilihan Raya Masyarakat Cina (Suqui) bercakap. Pemuda Umno bantah. Macam mana poster Aziz yang menuding jari kepada wakil Suqui tidak membuat orang Melayu marah kepada kaum Cina di Lunas, malah dia sama-sama dengan Cina. Pada 31 Ogos, Dr Mahathir pula bercakap mengaitkannya dengan komunis dan selepas itu di Kubang Pasu, cakap pula pasal Cina. Kalau nak cakap, cakaplah kemudian (selepas Lunas).

Datuk seperti tidak yakin Umno masih relevan dan menjadi teras kerajaan dan kepimpinan negara?

Soalnya, mesej sudah disampaikan kepada Umno pada pilihan raya umum lalu. Masa itu memang ada perubahan. Kalau tidak memang, itulah yang akan berlaku. Sebenarnya, kita masih diberi peluang untuk memperbaiki Umno.

Yang Datuk lihat apa masalah yang tidak dapat diubah?

Ia seperti perubahan manusia juga. Bagaimana manusia berubah? Manusia berubah apabila kita lihat dia sudah ada kesedaran dan keinsafan. Apabila seseorang ada keinsafan iaitu apabila meningkat umur, dia akan berubah dan bertambah menjadi baik. Pokoknya perlu ada keinsafan dan kesedaran. Parti Umno ialah pertubuhan yang dianggotai dan dipimpin oleh ahli Umno sendiri. Dan kalau tidak ada kesedaran dan keinsafan di kalangan manusia, pertubuhan ini pun tidak akan wujud. Jadi, masing-masing kena lihatlah.

Dulu Datuk pernah berkata, Umno akan hancur jika parti dikuasai ahli korporat dan tokoh tertentu. Adakah kesannya sudah dilihat sekarang?

Benda itu sudah ditunjukkan pada pilihan raya umum setahun lalu. Pilihan raya umum paling berbahaya. Kita sudah kalah satu lagi negeri (Terengganu). Jadi, isyarat itu sudah disampaikan pada pilihan raya lalu. Lunas satu lagi isyarat. Another wake-up call.

Bagi Datuk apakah satu hari nanti Umno akan hancur?

Mudah-mudah tidaklah. Tapi takkanlah kalau kita berharap ia tidak akan berlaku. Mestilah harapan itu disusuli dengan tindakan. Kalau kita tengok pilihan raya umum lalu, Kelantan, Terengganu, Pahang adalah serius. Begitu juga Kedah. Saya pun tidak faham kalau orang (Umno) masih tidak faham lagi perkara ini.

Kelantangan Datuk mungkin membawa kepada tindakan disiplin?

Saya tidak ada masalah. Setakat ini dua tiga hari ini tidak ada pun. Kalau kena pun, apa masalahnya sebab saya tidak kisah. Nak suruh 'resign' (letak jawatan) pun boleh, nak suruh apapun boleh. Nak suruh balik dan jangan datang mesyuarat pun boleh.

Pasal saya fikir bukan saya yang jadi masalahnya, bukan kritikan saya. Yang jadi masalah ialah sambutan, sokongan dan prestasi orang Melayu terhadap Umno. Kepimpinan yang menjadi masalah. Ini terbukti apa yang berlaku kepada Pergerakan Pemuda. Kalau Ketua Pemuda berada di Australia masa pilihan raya kecil, setiap pilihan raya kecil dia tak ada dalam negeri, apa exconya cakap. Exconya pun marah juga. Kalau semuanya berjalan

baik, tidak apa.

Apakah kecenderungan Datuk sekarang sebagai simpati dengan perjuangan barisan alternatif?

Tidak, saya tidak fikir begini. Simpati atau tidak, saya sudah menentukan bahawa kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN), bawah jagaan saya (di Johor Bahru), tetap menang kepada BN. Saya cakap terus terang.

Apa benda yang kita nak sembunyikan. Saya fikir, jika saya sudah tidak ada, masalah itu akan ada lagi. Okeylah, kita buang sebab Shahrir ini jahat, saya bermasalah. Kalau Shahrir itu masalah yang besar kepada Umno dari segi konteks orang Melayu menyokong Umno, buanglah. Tapi, adakah itu boleh menyelesaikan masalah?

Adakah pemimpin Umno hari ini bersedia ke arah perubahan, atau mereka lebih suka dengan keadaan sekarang?

Mereka tengok kepada keadaan dan kedudukan masing-masing. Nak katakan mahu perubahan, dia nak tengok apa yang berubah. Kalau boleh dia tidak berubah, itu tidak apa bagi mereka. Bagi saya, saya memang tidak ada minat nak ke mana-mana lagi, nak naik (pangkat) atau jadi menteri. Yang lain-ain mungkin ada minat dan cita-cita. Saya pula sudah tidak ada cita-cita. Saya pun tidak fikir saya boleh bertahan lebih daripada tiga tahun dalam penggal pemilihan saya. Jadi, saya cakap apa yang saya fikir untuk jalan kebaikan. Kalau saya dibuang dan tidak jadi MT, tidak menjadi masalah. Saya bukan nak main politik lagi. Saya dalam MT pun saya seorang, siapa nak berkawan dengan saya. Saya tidak ada penyokong.

Akhir sekali, Datuk terjemahkan hasrat Datuk untuk menjadi posmen Umno sebaik Datuk dipilih menganggotai MT?

Tidak semua orang sukakan posmen. Mereka suka posmen yang hantar berita yang baik-baik saja, tapi kerja posmen juga hantar berita yang tidak baik juga.

(END)